

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

6. Pegawai Seranta di Pusat Khidmat wakil rakyat memainkan peranan yang sangat penting demi kepentingan rakyat. Mereka terdedah kepada risiko tertentu semasa menjalankan tugas. Kebajikan pegawai seranta perlu dititikberatkan.
  - (a) Apakah kebijakan atau insentif tertentu yang disalurkan oleh pihak kerajaan misalnya pencaruman PERKESO dan sebagainya? Sila nyatakan.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. Kebajikan atau insentif yang diterima oleh Pegawai Seranta adalah seperti kemudahan cuti rehat, cuti sakit serta potongan KWSP. Mengikut para 3.4 Pekeliling Majikan Bilangan 2 Tahun 2013, hanya lantikan di bawah *Contract of Service (COS)* sahaja yang diwajibkan mencarum di bawah PERKESO. Lantikan *Contract for Service (CFS)* tidak diperuntukkan kemudahan caruman PERKESO berkenaan.